

Pengerusi LPU UniMAP Baharu Menghadap Canselor

Kangar : 16 Oktober 2018 – Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menerima mengadap Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) baharunya, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin buat julung kalinya.

Baginda diberi penerangan mengenai hala tuju serta perancangan strategik universiti agar dapat bergerak bersama-sama meningkatkan kegemilangan UniMAP.

Hadir sama, Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahir Jamal serta pegawai-pegawai utama universiti.

Kamarudin dilantik menjadi Pengerusi UniMAP untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa Oktober 2018 sehingga September 2021 bagi menggantikan Dato' Mohd Sofi Osman.

Untuk rekod, Dr. Kamarudin bermula sebagai Rektor di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 2002 sebelum menjadi Naib Canselor selepas KUKUM dijenamakan menjadi UniMAP pada 2007.

Beliau bersara wajib sebagai Naib Canselor UniMAP pada 2016 selepas mengemudi universiti tersebut selama 14 tahun sekaligus menjadi antara Naib Canselor yang paling lama berkhidmat di Malaysia.